

# PM bidas Melayu

BH 23 JUN 1986

## bantu Yahudi

**KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi menegur sikap segelintir masyarakat Melayu, khususnya yang berkhidmat dengan majalah asing kerana memburuk-burukkan negara dan bangsa sendiri.**

"Mereka ini bukan sahaja tidak mempunyai semangat kemelayuan, malah lebih suka menerima pujian dan penghargaan daripada orang asing," katanya ketika merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Batu, Lembah Pantai dan Seputeh di sini hari ini.

Menurut Perdana Menteri, yang sedihnya, kebanyakan majalah asing itu adalah kepunyaan orang Yahudi yang sememangnya tidak mahu melihat kejayaan negara-negara yang menjalankan pemerintahan berasaskan nilai-nilai Islam.

### Pelbagai tohmahan

Datuk Seri Dr Mahathir berkata sedang pelbagai tohmahan dilemparkan ke atas pemimpin negara-negara Islam, majalah-majalah itu secara angkuh mende-wa-dewakan pula negara mereka.

"Sebuah majalah, misalnya, memuji-muji negaranya, Amerika Syarikat, sedangkan imej Malaysia diburuk-burukkan," ujarnya.

Kata Perdana Menteri, malangnya ada orang lebih senang menerima pandangan-pandangan itu daripada yang benar.

Sebelum itu, Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan, kerajaan tidak mewujudkan jawatan Ahli Dewan Undangan Negeri di Wilayah Persekutuan semata-mata untuk memastikan kepentingan semua masyarakat, khususnya kaum Melayu di negeri itu terpelihara.

Menurutnya, jika ahli Majlis Bandaraya Kuala Lumpur dipilih menerusi pilihanraya, ia berkemungkinan tidak akan mewakili kepentingan semua masyarakat di sini.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat itu, Datuk Seri Dr Mahathir, berkata beliau belum menetapkan lagi tarikh mesyuarat Biro Politik Umno.

Bagaimanapun, katanya mesyuarat itu akan diadakan bila-bila masa sahaja jika perlu.

Mengulas laporan akhbar semalam mengenai persetujuan majoriti ahli Majlis Tertinggi Umno supaya pilihanraya diadakan lebih awal, Perdana Menteri berkata beliau tidak tahu menahu mengenai perkara itu dan tidak menerima sebarang laporan mengenai.

Perdana Menteri juga tidak mahu mengulas ketika ditanya mengenai soal peruntukan kerusi dan senarai calon parti dalam pilihanraya umum akan datang.